



## **TEKS UCAPAN**

**YBHG. DATO' SERI ZAINAL RAHIM BIN SEMAN  
KETUA PENGARAH MAMPU**

**MAJLIS ASPIRASI KETUA PENGARAH MAMPU**

**“PARADIGMA BAHARU MAMPU”**

**21 JANUARI 2015 (RABU)**

**DEWAN MAKAN, ARAS 2, BLOK B1,  
KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI**

*Bismillahir rahmanir rahim*  
*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh,*  
Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

Yang Dihormati Saudari Pengacara Majlis,

Yang Berusaha Dr. Aizi Razman bin Ismail,  
Timbalan Ketua Pengarah (Transformasi dan Pemodenan  
Pengurusan) MAMPU,

Yang Berusaha Dr. Suhazimah binti Dzazali,  
Timbalan Ketua Pengarah (ICT) MAMPU,

Ketua-ketua Perunding ICT Sektor Awam,

Pengarah-pengarah Bahagian,

Perunding-perunding ICT Sektor Awam,

Tuan-tuan dan puan-puan warga MAMPU yang saya kasihi  
sekalian.

1. Alhamdulillah, bahawasanya dengan izin Allah jua, kita semua dapat bersama-sama dalam Majlis Aspirasi Ketua Pengarah MAMPU pada pagi ini. Majlis ini merupakan yang pertama bagi diri saya bertemu dengan tuan-tuan dan puan-puan warga MAMPU setelah dilantik secara rasmi sebagai Ketua Pengarah MAMPU berkuatkuasa 9 Januari 2015. Jika dihitung pada hari ini ia adalah hari ke-10. Sekalung ucapan tahniah dan terima kasih diucapkan kepada Bahagian Khidmat Pengurusan selaku penganjur majlis pada pagi ini.

2. Pada kesempatan ini, saya ingin berkongsi dengan tuan-tuan dan puan-puan akan manifestasi iltizam Kepimpinan Tertinggi Negara serta aspirasi Pengurusan Tertinggi MAMPU dalam melakar paradigma baharu MAMPU, selaras dengan fenomena transformasi penyampaian perkhidmatan sektor awam.

3. Dalam melaksanakan agenda perdana transformasi negara, penjawat awam termasuklah warga MAMPU perlu memainkan peranan sebagai pemacu perubahan (*change agent*) sejajar dengan aspirasi Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semasa ucapan Bajet Tahun 2014 pada 25 Oktober 2013 yang telah menegaskan peri pentingnya transformasi dalam perkhidmatan awam.

“Untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan, Kerajaan akan melaksanakan pelan transformasi di setiap kementerian. Langkah ini amat penting bagi mengukuh dan menyusun semula organisasi supaya relevan dengan perkembangan semasa.”

4. MAMPU sejak awal telah mempelopori Transformasi Penyampaian Perkhidmatan Awam dengan *tagline* “Bersama-sama Melaksanakan Transformasi”. MAMPU telah menjadi tulang belakang kepada transformasi perhidmatan awam. MAMPU bukan setakat mampu pada nama sahaja, malah MAMPU menjadi lebih gah dan nyata jika ada kesediaan warga MAMPU sekalian untuk berubah (*evolve*) secara proaktif, kreatif dan inovatif.

## MEMBAHARUI BABAK, MELUAP OBOR TRANSFORMASI

5. Persaingan hebat dunia tanpa sempadan menjadikan kreativiti dan inovasi sebagai faktor kritikal dan platform utama dalam menentukan kelangsungan kecekapan sektor awam. Menyedari hakikat bahawa kreativiti dan inovasi adalah *the rules of the games*, maka pemerkasaan sektor awam dari aspek kreativiti dan inovasi adalah *sine-qua-non*<sup>1</sup> dalam mencapai visi sesebuah jabatan.

6. MAMPU seharusnya berupaya memainkan peranan secara optimum bagi memastikan perkhidmatan awam sentiasa ditambah baik. Transformasi penyampaian perlulah diperkasakan melalui pengurusan organisasi dan penggunaan teknologi ICT yang inovatif dan mampan. Ini perlulah juga diselaraskan dengan hasrat kerajaan untuk memberikan perkhidmatan yang efektif, efisien, integriti dan responsif memenuhi permintaan (*the demands*) yang tidak terhad (*unlimited demands*).

7. Sesungguhnya banyak sudah kejayaan yang diraih oleh MAMPU sebelum ini. Ceritera MAMPU pernah membadai zaman merentasi evolusi penyampaian perkhidmatan awam, yang mana pada satu ketika begitu harum dengan episod-episod kejayaan yang cukup membanggakan. Sinonimnya ialah pengeluaran Pekeliling-pekeling Kemajuan Pentadbiran Awam, peningkatan kemajuan automasi pejabat dan sebagainya. Namun, ia tidaklah harus berhenti di situ sahaja. Oleh sebab itulah saya mengajak tuan-tuan dan puan-puan warga MAMPU sekalian untuk bersama-sama terus

---

<sup>1</sup> *Sine-qua-non* merupakan bahasa Latin yang bermaksud sesuatu yang benar-benar diperlukan atau penting.

menterjemahkan babak-babak kegemilangan MAMPU supaya sentiasa lestari sepanjang zaman.

8. Obor transformasi sudah sedia bernyala, tinggal untuk kita luapkan lagi nyalaan obor itu. Anjakan paradigma perlulah sentiasa dilaksanakan kerana kecemerlangan bukanlah sasaran yang statik. MAMPU perlu terus kekal relevan dan memberi nilai tambah kepada sistem penyampaian perkhidmatan. Pekeliling dan garis panduan yang lebih kreatif dan inovatif perlu dihasilkan oleh MAMPU dalam usaha menambahbaik penyampaian perkhidmatan awam.

9. Lantas, eksplorasi yang mendalam seperti meningkatkan kemahiran interpersonal, adaptasi kepada pemikiran kritikal dan yang lain seperti kemahiran membuat keputusan, pemikiran strategik, kepimpinan emosi, kemahiran komunikasi, kepimpinan bakat, kepimpinan kumpulan, kepimpinan perubahan dan amalan *drive for results* serta menghasilkan *outcome* yang lebih berkesan perlulah digemblengkan.

10. Inisiatif-inisiatif bitara<sup>2</sup> di bawah Sektor TPP dan ICT serta di bawah Strategi Lautan Biru Kebangsaan (*National Blue Ocean Strategy, NBOS*) seperti Pusat Panggilan 1 Malaysia (*1 Malaysia One Call Centre, 1MOCC*) dan Pusat Latihan 1 Malaysia (*1 Malaysia Training Centre, 1MTC*) perlulah ada penciptaan nilai (*value creation*) agar perkhidmatan yang terbaik dapat diberikan kepada rakyat.

---

<sup>2</sup> Inisiatif-inisiatif bitara merujuk kepada inisiatif-inisiatif yang tidak ada taranya, iaitu hanya satu-satunya inisiatif.

## KESAKTIAN WACANA MENGORAK PERUBAHAN

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

11. Mehnah dan tribulasi<sup>3</sup> yang melanda negara ketika ini seharusnya dijadikan ruang untuk kita melaksanakan bukan sahaja penambahbaikan tetapi juga pembaharuan yang berimpak besar yang memberikan kebaikan. Umpamanya baru-baru ini dalam Program Turun Padang Pasukan Bahagian Perkhidmatan Gunasama Infrastruktur dan Keselamatan ICT (BPPG) Pasca Banjir ke Klinik Kesihatan Temerloh dan Suruhanjaya Koperasi Malaysia Wilayah Tengah di Pahang dan Kelantan, mendapati banyak peluang penambahbaikan yang boleh MAMPU lakukan terutamanya dalam perekeyasaan proses kerja (*business process engineering*) pengurusan bencana yang melibatkan peralatan ICT.

12. Selain itu, perkongsian maklumat ICT misalnya perlulah diterjemahkan ke dalam bentuk penulisan artikel dan dirangkumkan dalam bentuk buletin untuk dimanfaatkan oleh semua pihak. Ini tidak tertumpu kepada projek atau program ICT sahaja, malah juga bagi projek dan program pemodenan tadbir urus dan pengurusan. Melaluinya, bukan sahaja pada masa kini, malah anak-anak pewaris masa depan akan dapat menjadikannya sebagai sumber rujukan yang berguna.

13. Jerayawara<sup>4</sup> promosi produk, perkhidmatan dan inisiatif yang dihasilkan oleh MAMPU perlulah lebih dipergiatkan agar dapat disebarluaskan secara menyeluruh. Penglibatan pihak-

---

<sup>3</sup> Mehnah berasal daripada perkataan Arab yang membawa maksud ujian atau cabaran. Tribulasi pula berasal daripada perkataan Inggeris *tribulation* yang membawa maksud kesengsaraan atau kesusahan. Tribulasi juga boleh membawa maksud ujian, cuma ia adalah dalam bentuk kesusahan.

<sup>4</sup> Jerayawara merujuk kepada persembahan, pameran, ceramah dan sebagainya yang diadakan oleh seseorang atau sekumpulan orang yang berkunjung dari satu tempat ke tempat lain dengan tujuan memberikan hiburan, menjelaskan sesuatu isu kepada orang ramai, mempromosikan sesuatu dan sebagainya.

pihak berkepentingan (*stakeholders*) MAMPU seperti Yang Berhormat Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dalam perasmian atau pelancaran produk, perkhidmatan dan inisiatif MAMPU hendaklah diperhebatkan dan disebarluas dalam mempromosi jenama MAMPU.

14. Saya menyarankan supaya MAMPU menyertai lebih banyak pertandingan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa supaya produk, perkhidmatan dan inisiatif MAMPU dapat dikenali sekali gus meningkatkan imej MAMPU di persada global. Usaha seperti ini akan menterjemahkan inisiatif MAMPU yang membawa kecemerlangan terdahulu kepada keterbilangan sekarang yang berkekalan.

15. Tembok kemustahilan harus diroboh dan ditembusi dengan ledakan kebijaksanaan. Strategi perlu diorak agar matlamat untuk menjadikan MAMPU terbilang dapat dicapai. Pendekatan strategik dengan mengintegrasikan respon pertubuhan-pertubuhan bukan kerajaan, institusi swasta dan juga institusi dari luar negara yang sering mempersoalkan kecekapan penyampaian perkhidmatan awam di negara kita, dibawa kepada satu bentuk gagasan pemikiran ilmiah dan maklumat yang boleh kita berkongsi dapat menambahbaik penyampaian perkhidmatan awam.

16. Wacana ilmu bersama-sama dengan pakar dari luar untuk mendapatkan perkongsian idea, pengetahuan dan cadangan untuk mentransformasikan MAMPU tidaklah menjadikan kita sebagai organisasi yang rentan tetapi percayalah ia adalah untuk kebaikan masa hadapan MAMPU. Kita perlu lebih proaktif dan sentiasa di hadapan dalam menghasilkan nukilan ilmiah dan nukilan mantera berkaitan dengan aspirasi Yang

Amat Berhormat Perdana Menteri atau Ketua Setiausaha Negara.

## **PERUTUSAN YANG AMAT BERTHORMAT PERDANA MENTERI BERKENAAN PERKEMBANGAN EKONOMI SEMASA DAN KEDUDUKAN KEWANGAN NEGARA**

Hadirin yang saya hormati sekalian,

17. Izinkan saya berkongsi amanat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam Perutusan Khas beliau berkenaan Perkembangan Ekonomi Semasa dan Kedudukan Kewangan Negara pada 20 Januari 2015. Kerajaan perlu memastikan pertumbuhan ekonomi negara berada pada landasan yang kukuh dan mampu mencapai pertumbuhan KDNK antara 4.5 hingga 5.5 peratus pada tahun ini dengan melaksanakan strategi-strategi berikut:

- i. Memastikan pertumbuhan ekonomi yang *balanced, inclusive and sustainable* yakni seimbang, inklusif dan mampan;
- ii. Meneruskan *fiscal reform and consolidation*; serta
- iii. Menyediakan bantuan kepada rakyat dan komuniti perniagaan bagi membina semula infrastruktur yang terjejas akibat banjir.

18. Secara khususnya pula, bagi langkah merasionalisasi perbelanjaan, Kerajaan akan mengoptimumkan perbelanjaan ke atas bekalan dan perkhidmatan, penganjuran majlis dan mesyuarat serta perkhidmatan profesional yang memberi



penjimatan sebanyak 1.6 bilion ringgit dan menjadualkan semula pembelian aset tidak kritikal terutamanya peralatan pejabat, perisian dan kenderaan yang mampu memberi penjimatan sebanyak 300 juta ringgit. Keseluruhannya, Perbelanjaan Mengurus atau *Operating Expenditure* akan dikurangkan sebanyak 5.5 bilion ringgit, dengan mengutamakan perbelanjaan yang benar-benar diperlukan sahaja.

19. Justeru, saya menyeru semua warga MAMPU selaku agensi peneraju dalam penyampaian perkhidmatan awam perlu mengambil langkah proaktif, inovatif dan kreatif bagi memastikan langkah-langkah yang telah diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dapat dihayati dan dipatuhi. MAMPU hendaklah menilai semula perbelanjaan yang akan dilaksanakan secara berhemah dan mengutamakan perbelanjaan yang benar-benar diperlukan dan kritikal sahaja.

## **MENJUNJUNG LANGIT TEMPAT BERPIJAK**

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian,

20. Dinamai sebagai agensi perdana yang menjulang kecemerlangan perkhidmatan awam, titik ini, saat ini, MAMPU hendaklah lebih perkasa dan tegap untuk terus memacu transformasi penyampaian perkhidmatan awam.

21. Amalkan kata pepatah, di mana bumi di pijak di situ langit dijunjung. Curahkanlah sepenuh jiwa dan raga, khidmat dan bakti kita kepada MAMPU yang kita sayangi ini. Optimumkan perkongsian pengetahuan dan pengalaman, maklumat, sumber dan kemudahan serta budayakanlah amalan *seamless* dan kesepakatan dalam melaksanakan tugas. Perlulah bersifat responsif, iaitu pantas bertindak dan membuat keputusan di

samping peka terhadap ekspektasi dan kehendak pelanggan agar perkhidmatan yang diberikan mendahulukan rakyat serta mengutamakan pencapaian.

22. Warga MAMPU adalah disaran melengkapkan diri dengan ilmu pengetahuan, kemahiran dan kepakaran baharu agar berupaya menyumbang berteraskan kepada kreativiti dan inovasi dalam menghasilkan perkhidmatan dan produk yang berprestasi tinggi dengan bertunjangan kepada integriti serta kebertanggungjawaban. Harapan menggunung saya, MAMPU akan terus kekal relevan di persada global transformasi penyampaian perkhidmatan awam.

23. Justeru itu warga MAMPU, milikilah permikiran yang *big and bold*. Jadilah *the alchemist* yang mempunyai keupayaan untuk mencipta semula (*ability to reinvent*), jadilah *the strategist* yang memiliki keupayaan untuk mengubah (*ability to transform*), dan jadilah *the achiever* yang mengungguli keupayaan untuk berfikir ke hadapan dan menyeluruh (*ability to think forward and across*).

Sekian,

*Wabillahi taufiq wal hidayah,*

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*